

26 NOV 1996

MERCEDES-BENZ AKAN LANCARKAN SIRI SLK BARU DI DI PAMERAN LIMOS '96

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Pengedar eksklusif kereta Mercedes-Benz, Cycle & Carriage Bintang Berhad, akan mempamerkan 14 keluaran barunya di Pameran Motor Antarabangsa Langkawi 1996 (LIMOS '96) pada 30 Nov hingga 8 Dis ini.

"Pelawat LIMOS tahun ini akan berpeluang menyaksikan barisan pameran Mercedes-Benz termasuk model terbaru kelas C, kelas E dan kelas S, dan juga dua otomobil terkenal yang dibawa khas untuk pameran itu - Motorwagon rekaan Benz (Oldtimer) 1886 dan kereta sport Formula Mercedes." kata pengarah urusan Cycle & Carriage, Mohamad Hasan dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya kemuncak pameran itu ialah model dua tempat duduk yang sensasi dan yang ditunggu-tunggu, siri SLK yang unggul dan cantik direka mengikut tradisi Mercedes Benz dengan ciri-ciri inovatif yang menjanjikan prestasi dan kenikmatan memandu tulin.

Kehadiran SLK di LIMOS '96 menandakan kemasukan siri terbaru Mercedes Benz mewah ini ke Malaysia dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah dijemput merasmikan pelancaran rasmi siri SLK ini ke dalam pasaran Malaysia pada 1 Dis. katanya.

Mohamad berkata antara model pameran lain yang menarik ialah jenis saloon sport Kejohanan Jelajah Antarabangsa, model 190SL yang telah menjadi item koleksi, Mercedes SL yang klasik dan canggih yang juga terkenal sebagai konvertibel yang paling selamat di dunia, siri coupe E36 AMG, C36 AMG dan kelas S. -- BERNAMA

ARI WAT